

Bil	Perkhidmatan
5.	<u>Memperaku dan Memuktamadkan Kertas Makluman:</u> <u>Rundingan Harga Perkhidmatan Kontrak Mencuci dan Membersih untuk Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak, Kawasan Perindustrian Demak Laut, Kuching, Sarawak.</u> 1. Surat niat pelantikan telah dikemukakan kepada COOSERV CLEANING bagi Perkhidmatan Mencuci dan Membersih Kompleks Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Wilayah Sarawak bagi tempoh dua tahun dengan membuat rundingan lanjut pada nilai tawaran sebut harga dan nilai tambah kepada perkhidmatan yang ditawarkan. 2. Mesyuarat rundingan antara MPC Wilayah Sarawak dengan COOSERV CLEANING telah diadakan pada 8 Disember 2021 dan hasil rundingan tersebut, pihak Cooserv Cleaning bersetuju dengan nilai perolehan berjumlah RM183,168.00 untuk tempoh dua tahun. 3. Walau bagaimanapun, COOSERV CLEANING memohon pertimbangan daripada pihak MPC untuk mempertimbangkan tawaran sebut harga sekiranya terdapat sebarang kenaikan kadar gaji minimum di masa akan datang. Ulasan Ahli Mesyuarat: 1. Nilai kontra selepas dirundingkan iaitu sebanyak RM 183,168.00 telah dimuktamadkan oleh Mesyuarat ini. 2. Pihak Mesyuarat juga mengambil maklum berhubung permohonan daripada pihak pembekal sekiranya terdapat kenaikan dalam kadar gaji minimum. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan ini perlu dimaklumkan semula dalam Mesyuarat ini. PIC: Hafiza Atha Ahmad

Rundingan Harga Perkhidmatan Kontrak Mencuci dan Membersih untuk Pejabat
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak, Kawasan
Perindustrian Demak Laut, Kuching, Sarawak.

Keputusan Mesyuarat telah dipersetujui oleh:


()
Mohd Yazid Abdul Majid
Ahli


()
Zahid Ismail
Pengerusi


()
Salza Saari
Ahli